

GELAGAT KEPATUHAN PEMBAYARAN ZAKAT PENDAPATAN: KAJIAN KES UUM¹

Dr. Nur Azura Sanusi
Norazlina Abd. Wahab
Nor Fadzlin Mohammad Bahar
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Berdasarkan kepada asas zakat dikenakan ke atas harta yang berkembang, maka berlaku perluasan kewajipan ruang berzakat kepada harta-harta berkembang yang lain selain daripada lima jenis harta yang diamalkan oleh Rasulullah saw. Rentetan dari itu kebanyakannya negeri telah mewartakan zakat pendapatan sebagai zakat yang wajib dikeluarkan oleh individu Islam. Lebih menarik lagi, bukan sahaja jumlah kutipan bagi negeri malahan jumlah kutipan zakat pendapatan di daerah-daerah kecil juga mencatatkan peningkatan. Sebagai contoh, kutipan zakat pendapatan di daerah Kubang Pasu telah meningkat dari RM35,450.41 pada tahun 1990 kepada RM1,760,925.40 pada tahun 2003 iaitu berlaku peningkatan sebanyak 48.67 kali ganda berbanding tahun 1990. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM918,478 merupakan kutipan zakat pendapatan daripada kakitangan UUM melalui skim potongan gaji. Namun sehingga April 2004 peratus kakitangan UUM yang membayar zakat pendapatan melalui skim potongan gaji hanyalah sekitar 28.57 peratus sahaja. Adakah selebihnya tidak mengeluarkan zakat pendapatan? Atau mungkinkah mereka menyalurkan zakat tersebut terus kepada asnaf tertentu? Bertitik tolak dari persoalan ini, maka adalah suatu yang menarik untuk mengkaji gelagat individu (kakitangan UUM) mengeluarkan zakat pendapatan. Dengan menggunakan teknik penganggaran maximum likelihood dalam pengujian hipotesis berarah, beberapa pembolehubah bebas telah dikenalpasti sebagai faktor yang signifikan mempengaruhi gelagat individu mengeluarkan zakat.

1. PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu alat jaminan sosial kepada masyarakat Islam keseluruhannya. Pengaliran pendapatan daripada golongan layak mengeluarkan zakat kepada golongan asnaf mampu mewujudkan *intra-generation* dan *inter-generational transfer*. Oleh itu, kutipan zakat yang tinggi secara langsung dapat membantu membasmi kemiskinan yang melanda masyarakat Islam di Malaysia.

Melalui agihan zakat kepada asnaf yang layak, selain mampu membasmi kemiskinan, zakat juga berupaya meningkatkan perbelanjaan pengguna yang seterusnya dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara. Maka seharusnya kerajaan menjadikan zakat sebagai program perdana dasar belanjawan negara yang mampu membasmi kemiskinan di kalangan umat Islam dan seterusnya mampu mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia disamping sistem cukai sedia ada.

Namun begitu, keberkesanannya zakat sebagai program perdana kepada dasar belanjawan negara yang mampu membasmi kemiskinan bergantung kepada sumber dan agihan zakat yang cekap. Maka timbul persoalan bagaimana sumber kutipan zakat ini dapat ditingkatkan dan bagaimana agihan zakat yang cekap dapat diperaktikkan. Di samping itu terdapat beberapa persoalan lain yang merangkumi perluasan ruang kewajipan berzakat, pelaksanaan undang-undang, pentadbiran zakat dan desentralisasi fiskal. Namun begitu, faktor yang paling penting adalah kesedaran individu Islam untuk mengeluarkan zakat secara sukarela. Walaupun pelbagai langkah diambil oleh badan berwajib untuk meningkatkan kutipan zakat, langkah tersebut tidak berkesan sekiranya tiada kesedaran di dalam diri individu Islam itu sendiri.

Melalui pelbagai langkah yang diambil khususnya oleh Pusat Zakat negeri, jumlah kutipan zakat bagi semua negeri telah mengalami peningkatan. Menurut Abd. Ghafar dan Nur Azura (2003) jumlah kutipan zakat harta dan fitrah di negeri Kedah misalnya, meningkat daripada RM2.45 juta (tahun 1990) kepada RM 5.15 juta (tahun 1995) iaitu pertambahan sebanyak 1.1 kali ganda. Seterusnya, meningkat kepada RM 12.49 juta (tahun 2001) iaitu pertambahan sebanyak 1.43 kali ganda berbanding dengan tahun 1995, walaupun berlaku penurunan pada

¹ Ucapan penghargaan kepada Fakulti Ekonomi, UUM atas pembiayaan daripada Geran Penyelidikan Fakulti Ekonomi, Kod S/O: 11291

tahun 1999. Daripada jumlah tersebut, zakat pendapatan juga menunjukkan trend yang sama, masing-masingnya lebih ketara. Sebagai contoh, kutipan zakat pendapatan di daerah Kubang Pasu telah meningkat dari RM35,450.41 pada tahun 1990 kepada RM84,780.70 pada tahun 1995 dan RM233,360.66 pada tahun 2000. Manakala bagi tahun 2003, jumlah kutipan zakat pendapatan di daerah Kubang Pasu adalah sebanyak RM1,760,925.40 iaitu berlaku peningkatan sebanyak 48.67 kali ganda berbanding tahun 1990. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM918,478 adalah merupakan kutipan zakat pendapatan daripada kakitangan UUM melalui skim potongan gaji.

Walaupun jumlah kutipan zakat pendapatan di daerah Kubang Pasu mengalami peningkatan dan peratusan sumbangan jumlah kutipan zakat pendapatan daripada kakitangan UUM adalah sebanyak 52.15 peratus pada tahun 2003, namun sehingga April 2004 peratus kakitangan UUM yang membayar zakat pendapatan melalui skim potongan gaji hanyalah sekitar 28.57 peratus sahaja sedangkan jumlah tenaga akademik dan pentadbiran yang merupakan kumpulan pengurusan & profesional di UUM terdiri daripada 1278 orang². Adakah selebihnya tidak mengeluarkan zakat pendapatan? Atau mungkinkah mereka menyalurkan zakat tersebut terus kepada asas tertentu? Bertitik tolak dari dapatan ini, maka adalah suatu yang menarik untuk mengkaji gelagat individu (kakitangan UUM) membayar zakat pendapatan.

Sehubungan itu, tumpuan kajian ini adalah bagi mengenalpasti perkaitan diantara faktor-faktor demografi individu dengan kesanggupan individu mengeluarkan zakat pendapatan.

Umumnya perbincangan makalah ini tertumpu kepada lima bahagian iaitu bahagian pertama yang terdiri daripada pendahuluan, bahagian kedua menumpu kepada teori mengenai zakat pendapatan dan kajian lepasan bahagian ketiga pula menerangkan metodologi kajian ini, manakala bahagian keempat menerangkan dapanan kajian yang dilakukan dan diakhiri dengan bahagian kelima iaitu kesimpulan.

2. ZAKAT PENDAPATAN

2.1 Pensyariatan dan Perundangan Zakat Pendapatan

Zakat pendapatan merupakan salah satu daripada beberapa jenis zakat yang telah diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan. Pensyariatannya adalah berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. dalam Al-Quran:

"Ambilah (sebahagian) dari harta-harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

(Al-Quran, Surah al-Taubah 9:103)

Zakat pendapatan telah difatwakan oleh ulama sebagai satu jenis cukai dalam Islam yang diwajibkan ke atas mereka yang cukup syarat-syaratnya. Pensyariatannya adalah berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Wahai orang yang beriman, belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik".

(Al-Quran, Surah al-Baqarah 2:267)

Hukum mengenai zakat pendapatan telah lama dibincangkan oleh para ulama. Malahan, ia telahpun diamalkan semenjak zaman sahabat seperti Khalifah Uthman bin Affan, Muawiyah dan Umar Abdul Aziz. Ulama-ulama besar seperti Abdur Rahman Hasan, Muhammad Abu Zahrah dan Abdul Wahab Khalaf telahpun mengemukakan mengenai persoalan zakat pendapatan di Damsyik pada tahun 1952. Mereka membuat kesimpulan bahawa zakat pendapatan wajib dilaksanakan.

Di Malaysia, zakat pendapatan mula diperkatakan pada akhir tahun 1970an. Sehingga ke awal 1990an, konsepnya telah mula diterima dan mula dilaksanakan di Malaysia. Dengan itu, Fatwa Muzakkah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 22 Jun 1997 bersetuju bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).

² Data sehingga 31 Julai 2005 (Sumber: Pendaftar, UUM).

Menurut Husein Sahata (2003), terdapat dua kategori pendapatan yang perlu dikenakan zakat pendapatan (zakat profesional) iaitu gaji, upah atau insentif yang dihasilkan oleh pekerja kerajaan mahupun swasta. Jenis pendapatan ini disebut sebagai *Al-u'tiyaat* (pemberian). Satu lagi kategori ialah *al-mal al-mustafad* iaitu pendapatan yang dihasilkan dari kerja profesional tertentu seperti doktor, akauntan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, secara hakikatnya, *al-u'tiyaat* termasuk dalam ruang lingkup pengertian *al-mal al-mustafad*.

Secara umumnya, *al-mal al-mustafad* ialah pendapatan yang dihasilkan bukan dari harta yang dimiliki atau yang ditukar ganti, tetapi yang diperolehinya dengan cara tertentu seperti upah, ganjaran, pemberian dan lain-lain pendapatan yang berkaitan dengan kerja atau pendapatan pindahan. Konsep *al-mal al-mustafad* ini telah diperkenalkan oleh Dr. Yusuf al-Qardhawi yang merupakan ulama pertama yang menjelaskan secara menyeluruh mengenai persoalan zakat *al-mal al-mustafad* dalam buku beliau yang bertajuk *Fiqh al-Zakat Dirasah Muqaranah Li waFalsafatiha fi Zilal al-Quran wa al-Sunnah*.

Skim pembayaran *al-mal al-mustafad* kepada pegawai awam, rakyat dan tentera telah pun diperkenalkan di zaman Nabi Muhammad s.a.w. lagi. Skim tersebut dilaksanakan dengan dana yang terkumpul dalam perbendaharaan. Ia dilakukan oleh nabi untuk melaksanakan prinsip agihan semula ekonomi negara. Walau bagaimanapun, skim atau kadar agihan *al-mal al-mustafad* yang dibayar sangat kecil dan tidak tetap kadarnya, maka persoalan zakat *al-mal al-mustafad* tidak menonjol. Tetapi, para sahabat terkemudian telah memperluaskan dasar *al-mal al-mustafad* dan mula memungut zakat *al-mal al-mustafad* secara langsung. Menurut Az-Zuhri, orang pertama yang memungut zakat *al-mal al-mustafad* secara sistematik dan secara langsung ialah Amrul Mukminin Muawiyah Bin Abi Sufian.

Illah (sebab hukum) utama sesuatu harta itu diwajibkan zakat ialah harta itu berfungsi untuk berkembang secara semulajadi (*tabii*) atau diusahakan. Menurut ad-Dardir, Yusuf Qardhawi dan Husayn Syahatah, perkembangan sesuatu harta itu boleh dilihat melalui keuntungan (*ar-ribh*) secara jualbeli, berusaha, *al-fa'idah*, pembiakan, kerja kepakaran ahli profesional seperti upah, gaji, bonus, anugerah atau pemberian pindahan seperti pencen, subsidi, eluan, hadiah, pampasan dan sebagainya. Maka, daripadauraian ini dapat disimpulkan bahawa *al-mal al-mustafad* boleh diklasifikasikan kepada 4 kumpulan iaitu:

- 1) Hasil usaha perdagangan atau ternakan secara individu atau syarikat
- 2) Pendapatan melalui ganjaran atau upah daripada sesuatu pekerjaan atau perkhidmatan yang disempurnakan oleh ahli profesional tetapi tidak termasuk dalam kategori perniagaan
- 3) Pendapatan berdasarkan kerja bermajikan semata-mata yang menerima bayaran upah atau saguhati atau sesuatu yang seumpamanya daripada majikan
- 4) Pendapatan berdasarkan kepada keadaan kematian, perkahwinan dan tamat tempoh perkhidmatan berupa hadiah, pusaka, subsidi atau yang dinamakan pendapatan pindahan dan lain-lain.

Pensyariatan zakat pendapatan jelas ditunjukkan dalam nas Al-Quran jelas ditunjukkan dalam firmanya dalam Surah Al-Baqarah ayat 267 (seperti di atas) dan Hadis Nabi s.a.w. yang bermaksud:

'Sesiapa yang mendapat harta mal al-mustafad, tidak diwajibkan mereka berzakat sehingga harta tersebut melewati tempoh haul setahun'.

(Hadis Riwayat Ibnu Majah)³

Berdasarkan kepada hukum qiyas tentang kewajipan membayar zakat pendapatan, harta pendapatan dalam bentuk wang seperti gaji dikenakan zakat kerana illahnya sama dengan emas dan perak iaitu pendapatan dalam bentuk wang. Maka, kadar dan syarat haulnya juga adalah sama. Dalam hal ini, illah yang digunakan ialah pendapatan dalam bentuk wang tanpa mengambil kira illah-illah lain seperti cara kemasukan pendapatan iaitu melalui kerja atau hasil usaha bebas. Maka, ada pendapat yang lain menyatakan bahawa ia tidak boleh dilaksanakan.

Namun, pendapat lain juga menyatakan bahawa walaupun dalam bentuk matawang, ia diperolehi melalui hasil kerja dan usaha bebas, maka ia boleh disamakan dengan hasil usaha pertanian. Maka, pendapatan bebas seperti gaji, pendapatan ahli profesional, pengusaha penternakan dan sebagainya adalah tertakluk kepada zakat pertanian iaitu tanpa syarat haul dan kadarnya ialah antara 5 hingga 10 peratus berdasarkan tenaga dan kesukaran kerja serta kos pekerjaan tersebut.

³ Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2003). Pengurusan Zakat. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Pendapat lain pula menyatakan oleh kerana pendapatan itu diperolehi melalui kerja atau usaha bebas, maka boleh disamakan dengan hasil usaha pertanian. Menurut Zahri Hamat (2002), terdapat dua perkara pokok yang perlu dilihat dalam usaha individu mendapatkan pendapatan (gaji). Pertama, faktor pengeluaran, iaitu antara lain meliputi usaha, akal dan pengetahuan digunakan bagi melaksanakan tugas masing-masing digunakan. Gabungan semua faktor ini akan menentukan jumlah pendapatan yang bakal diperolehi. Kedua, akal dan pengetahuan yang digunakan untuk usaha tersebut merupakan faktor tetap. Ia tidak mengalami sebarang susulan nilai walaupun digunakan berulang kali. Malah apa yang berlaku adalah sebaliknya, tahap kecerdasan akal dan pengetahuan yang dimiliki itu makin meningkat kesan dari ianya digunakan berulang kali. Kaedah yang sama digunakan dalam usaha mendapatkan hasil pertanian. Justeru, terdapat beberapa ulama yang mencadangkan agar kadar zakat yang dikenakan ke atas pendapatan adalah sama seperti yang dikenakan ke atas pertanian iaitu sebanyak 10%.

Husein Sahata (2003) menyatakan ciri-ciri zakat pendapatan yang dinamakan juga zakat profesional seperti berikut:

- 1) Zakat itu terus dikeluarkan dari pendapatan hasil kerja samada ia dihasilkan secara kontrak ataupun tidak kerana yang penting adalah unsur pekerjaannya.
- 2) Zakat *Ainiyah*, iaitu zakat itu wajib dikeluarkan dari hasil kerja yang pelaksanaannya berada dalam wilayah negara Islam. Maka, mana-mana individu asing yang bekerja di wilayah negara Islam, wajib baginya mengeluarkan zakat di negara tempat ia bekerja.
- 3) Zakat *Nisabiyah*, iaitu pendapatan yang wajib dikeluarkan zakat ialah pendapatan yang nilainya telah mencapai nisab tertentu.
- 4) Zakat dikeluarkan dari pendapatan bersih yang telah ditolak keperluan-keperluan tertentu.
- 5) Zakat *nisbiatus si'ri*. Iaitu peratus zakat yang dikeluarkan adalah relatif, iaitu bergantung kepada jumlah pekerjaan yang dilakukan.
- 6) Zakat dikeluarkan dalam bentuk wang tunai disebabkan umumnya gaji dan upah dibayar dalam bentuk wang tunai.

Peraturan zakat di setiap negeri agak berbeza di antara satu sama lain. Perbezaan ini merangkumi jenis harta yang dikenakan zakat, kaedah taksiran, pentadbiran dan pelaksanaan penguatkuasaan. Walaupun berbeza peraturan, namun melanggar peraturan zakat adalah salah di sisi undang-undang. Hukuman yang ditetapkan dalam peraturan adalah berupa denda dan penjara atau kedua-duanya sekali (Mohd. Ali, 1989). Namun kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai peruntukan undang-undang hanya terhadap zakat padi.

Menurut Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1982, denda tidak melebihi RM600.00 atau penjara tidak lebih daripada 6 bulan akan dikenakan jika sabit kesalahan berikut (Enakmen Zakat Negeri Kedah, 1955 Seksyen 9(2)):

- a) sengaja memalsukan atau menyembunyikan fakta zakat;
- b) enggan membayar zakat;
- c) membayar zakat kepada orang lain daripada amil yang dilantik (kecuali zakat fitrah);
- d) menghasut orang supaya tidak membayar zakat;
- e) menjual atau memindah milik dengan tujuan mengelak daripada zakat.

Walaupun begitu, pelaksanaan peraturan ini masih diragukan kerana masih ramai lagi umat Islam yang melakukan kesalahan di atas terutamanya kesalahan (b) dan (c) tetapi tidak dikenakan tindakan seperti yang dinyatakan di atas.

2.2 Kajian lepas

Kajian-kajian awal zakat pendapatan kebanyakannya tertumpu kepada persoalan hukum pelaksanaannya semasa perbandingannya dengan cukai pendapatan. Walaupun perbincangan mengenai hukum zakat pendapatan telah lama dilakukan, namun kajian-kajian mengenainya terutama kajian empirikal tidak banyak ditemui. Beberapa kajian empirikal mengenai gelagat pembayaran zakat pendapatan yang dikenal pasti ialah kajian yang dilakukan oleh Mohd. Ali et. al. (2003) dan Kamil Md. Idris (2003).

Kajian mengenai kesedaran membayar zakat pendapatan di kalangan profesional yang dilakukan oleh Mohd. Ali et. al. (2003) menggunakan sampel seramai 100 orang kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia. Dengan menggunakan model logit, dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pembayaran zakat pendapatan dengan jantina, bilangan tanggungan, tahap pendidikan, pengetahuan tentang zakat

pendapatan, pengetahuan agama dan iman. Namun begitu, wujud hubungan negatif antara tahap pendidikan dan pengetahuan agama terhadap pembayaran zakat pendapatan walaupun hipotesis yang dibentuk adalah sebaliknya.

Kajian oleh Kamil Md. Idris (2003) pula menumpukan kajian gelagat kepatuhan pembayaran zakat ke atas sampel 353 orang pekerja di bawah jabatan negeri Kedah. Analisis regresi logistik multivariat (*multivariate logistic regression*) yang dilakukan mengambilkira faktor-faktor jantina, umur, tanggungan keluarga, pendapatan, persepsi terhadap undang-undang zakat, persepsi terhadap penguatkuasaan zakat, persepsi terhadap kesaksamaan penggunaan dan agihan wang zakat, persepsi ke atas kualiti perkhidmatan, indeks nilai agama, pengetahuan dan kefahaman, pendedahan promosi zakat dan komponen sikap terhadap zakat gaji. Kajian yang dilakukannya mendapati faktor-faktor jantina, umur, bilangan tanggungan, gaji, persepsi terhadap undang-undang zakat gaji, persepsi terhadap kualiti perkhidmatan, pendedahan terhadap promosi zakat, pengetahuan tentang zakat gaji dan sikap penerimaan berhubung secara positif dengan kepatuhan terhadap zakat gaji manakala faktor-faktor lain adalah sebaliknya.

3. METHODOLOGI

3.1 Pengumpulan Data

Data primer dikumpulkan berdasarkan agihan soal selidik kepada 120 orang kakitangan UUM secara rawak. Sebanyak 13 fakulti dan 10 pusat/jabatan dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan teknik persampelan mudah rawak. Rangka persampelan dibentuk dengan mengambilkira elemen dalam populasi berdasarkan maklumat kakitangan Muslim yang terdapat di laman web portal UUM. Seterusnya saiz sampel ditentukan berdasarkan garis panduan penentuan saiz sampel yang dikemukakan oleh Roscoe (1975). Setelah melakukan proses saringan, bilangan sampel yang digunakan bagi tujuan analisis kajian melibatkan seramai 104 responden. Soalan soal selidik yang tidak lengkap serta yang tidak dikembalikan dikecualikan dari analisis kajian.

Soal selidik yang dibentuk dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu profil peribadi responden, tahap kepatuhan responden kepada agama dan pandangan/persepsi responden tentang zakat pendapatan. Ketiga-tiga bahagian ini dibentuk bagi mencapai objektif kajian iaitu bahagian pertama untuk menjawab objektif kedua, bahagian kedua untuk mencapai objektif ketiga kajian serta bahagian ketiga bagi mencapai objektif pertama kajian.

3.2 Model Penganggaran

Selain daripada melakukan analisis kebolehpercayaan dan analisis deskriptif, analisis faktor perlu dilakukan bagi mengelompokkan pembolehubah bebas kepada faktor-faktor terpenting dalam mempengaruhi pembolehubah bersandar. Namun begitu, sebelum analisis faktor dilakukan, beberapa pembolehubah bebas telah dikenal pasti. Pengenalpastian pembolehubah-pembolehubah eksogenus adalah berdasarkan kepada ciri-ciri demografi individu dan teori zakat yang merangkumi profil peribadi, pengetahuan tentang zakat pendapatan dan tahap kepatuhan kepada agama.

Umumnya, dengan menggunakan model regresi logistik, model penganggaran keratan rentas yang dianggarkan adalah:

$$\ln\left(\frac{B_i}{1-B_i}\right) = \delta_0 + \delta_1 J_i + \delta_2 Y_i + \delta_3 P_i + \delta_4 T_i + \delta_5 Z_i + \delta_6 I_i + u_i \quad (1)$$

dengan $\ln(B_i/1-B_i)$ adalah kebarangkalian individu membayar zakat pendapatan. B_i bernilai 1 jika individu membayar zakat dan bernilai 0 sebaliknya. J_i adalah jantina responden, Y_i adalah pendapatan bulanan responden, P_i adalah tahap pendidikan, T_i adalah bilangan tanggungan, Z_i adalah pengetahuan tentang zakat pendapatan dan I_i adalah indeks kepatuhan kepada agama.

Indeks kepatuhan kepada agama diukur berdasarkan indeks yang dibentuk oleh Naziruddin dan M. Shabri (2001) dengan beberapa modifikasi:

Responden akan diberikan pilihan jawapan dan setiap jawapan kepada soalan yang diberikan akan diberi mata (point) yang akan membolehkan jumlah indeks bagi satu-satu perkara (deeds) diukur. Tiga perkara (deeds) akan digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan indeks kepatuhan kepada agama (RI) individu:

(1) *Obligatory deeds* (OD) (Perkara yang diwajibkan)

Pengukurannya boleh dilakukan menggunakan formula berikut:

$$OD_i = Z \sum_j^n OD_{ij} \quad (2)$$

Dimana:

OD = perkara yang diwajibkan

Z = mata (point)

i = responden

j = jumlah soalan dalam soalselidik yang disediakan

(2) *Prohibited dees* (PD) (Perkara yang dilarang):

$$PD_i = Z \sum_k^n PD_{ik} \quad (3)$$

Dimana:

PD = perkara yang dilarang

Z = mata (point)

i = responden

k = jumlah soalan dalam soalselidik yang disediakan

(3) *Recommended deeds* (RD) (Perkara yang digalak/disunatkan):

$$RD_i = Z \sum_m^n RD_{im} \quad (4)$$

Dimana:

RD = perkara yang digalak/disunatkan

Z = mata (point)

i = responden

m = jumlah soalan dalam soalselidik yang disediakan

Indeks kepatuhan kepada agama akan diperolehi daripada ketiga-tiga perkara (*deeds*) dengan menggunakan formula:

$$RI_i = [(OD_i + PD_i + RD_i) / MAP]$$

Dengan:

RI = Indeks keimanan

MAP = mata maksimum yang boleh diperolehi

Oleh itu, hipotesis yang dijangkakan adalah:

$$Ha: \delta_i \neq 0$$

Namun begitu pengujian hipotesis dan pemilihan pembolehubah eksogenus adalah berdasarkan faktor-faktor yang terhasil dari analisis faktor.

4. DAPATAN KAJIAN

4.1 Analisis Kebolehpercayaan

Ujian kebolehpercayaan dilakukan kepada setiap soalan yang dikemukakan dalam membentuk indeks kepatuhan kepada agama. Oleh itu, ujian kebolehpercayaan dilakukan kepada tiga konstruk iaitu bagi mewakili soalan-soalan bagi perkara-perkara wajib, perkara-perkara yang dilarang serta perkara-perkara sunat/harus. Seterusnya semua soalan digabungkan tanpa merujuk kepada sub kumpulan jenis soalan. Jadual 4.1 melaporkan keputusan ujian kebolehpercayaan.

Berdasarkan Jadual 4.1, merujuk kepada analisis bagi sub kumpulan, dapat dirumuskan bahawa semua soalan yang berbentuk perkara-perkara wajib dan sunat/harus mempunyai kebolehpercayaan yang rendah. Merujuk kepada nilai alpha bagi soalan-soalan berbentuk perkara-perkara larangan, dengan menggugurkan soalan pertama iaitu tidak minum arak, maka nilai kebolehpercayaan meningkat dari 0.7971 kepada 0.8637. Namun begitu, bagi tujuan pembentukan indeks kepatuhan kepada agama, semua soalan akan digabungkan. Merujuk

kepada nilai alpha gabungan semua soalan bagi sub kumpulan berbeza, keputusan menunjukkan setiap soalan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai alpha keseluruhan sebanyak 0.787.

Jadual 4.1
Keputusan Ujian Kebolehpercayaan

Jenis Soalan	Nilai Alpha Mengikut Sub-Kumpulan	Nilai Alpha Gabungan
Perkara Wajib		
Kepentingan Syahadah	0.6423	0.791
Kepentingan Solat Wajib	0.6624	0.793
Kepentingan Puasa Ramadhan	0.6528	0.794
Kepentingan Zakat	0.4176	0.754
Kepentingan Haji	0.4672	0.758
Kepentingan Rukun Iman	0.4502	0.757
Nilai Alpha Keseluruhan	0.6187	
Perkara Larangan		
Tidak Minum Arak	0.8637	0.768
Tidak Mengambil Barang Tanpa	0.6424	0.748
Persejukan		
Tidak Derhaka kepada Ibu/Bapa	0.6952	0.752
Nilai Alpha Keseluruhan	0.7971	0.748
Perkara Sunat/Harus		
Sedekah/Derma	0.3857	
Berbelanja Sederhana	0.3347	0.753
Ukhwah	0.3547	0.751
Kepentingan Solat Sunat	0.5930	0.825
Kepentingan Puasa Sunat	0.5043	0.803
Kepentingan Membaca Al-Quran	0.5103	0.811
Nilai Alpha Keseluruhan	0.4968	
Nilai Alpha Keseluruhan		0.787

4.2 Analisis Deskriptif

Taburan Kekerapan Responden

Merujuk kepada perbincangan dalam bahagian 3.2.2, Jadual 4.2 melaporkan taburan kekerapan responden.

Jadual 4.2
Taburan Kekerapan Responden

Pembolehubah	Ya	Tidak	Jumlah	Chi-Square
Jantina			104	0.779
Lelaki	18	13	31	
Perempuan	49	24	73	
Umur			103	31.175
20-30	28	26	54	
31-40	31	8	39	
41-50	7	3	10	
Tahap Pendidikan			104	10.606*
SPM/STPM	19	19	38	
Sijil/Diploma	5	6	11	
I. Sarjana Muda	8	4	12	
I. Sarjana	35	8	43	
Tanggungan			104	6.723
0	16	15	31	
1-5	48	20	68	
6-10	3	2	5	
Pendapatan			104	57.315**
RM500-RM1500	20	23	43	
RM1501-RM2500	9	6	15	
RM2501-RM3500	31	8	39	
>RM3500	7	0	7	
Pengetahuan			104	11.530*
Tahu	67	31	98	

Tidak Tahu	0	6	6	
Indeks Kepatuhan			104	13.910
0.21-0.40	3	2	5	
0.41-0.60	7	9	16	
0.61-0.80	53	25	78	
>0.80	4	1	5	

Simbol * dan ** merujuk kepada aras keertian 1% dan 5%

Bagi pembolehubah jantina, 70.19 peratus responden merupakan golongan wanita. Berdasarkan nilai tersebut sebanyak 67.12 peratus membayar zakat pendapatan. Manakala bagi lelaki pula, daripada jumlah keseluruhan bilangan responden lelaki hanya 58.06 peratus yang mengeluarkan zakat pendapatan. Secara umumnya peratusan responden yang membayar zakat adalah 64.42 peratus. Namun begitu, nilai chi-square menunjukkan hipotesis nol gagal ditolak.

Seterusnya bagi pembolehubah umur, purata golongan umur tertinggi adalah bagi umur sekitar 20 tahun hingga 30 tahun yang mewakili 52.43 peratus daripada keseluruhan bilangan sampel. Manakala peratus golongan umur tertinggi yang membayar zakat adalah bagi kategori umur sekitar 31 tahun hingga 40 tahun, diikuti oleh kategori umur 41 tahun hingga 50 tahun dengan peratusan masing-masing mewakili 79.49 peratus dan 70 peratus.

Peratusan tahap pendidikan tertinggi responden adalah bagi tahap ijazah sarjana, diikuti dengan tahap SPM/STPM dengan nilai peratusan masing-masing mewakili 41.35 peratus dan 36.54 peratus. Manakala bagi peratusan yang membayar zakat, peratusan pembayaran tertinggi adalah pada tahap ijazah sarjana iaitu 81 peratus. Nilai chi-square adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus yang membuktikan wujud hubungan diantara tahap pendidikan dan status pembayaran zakat pendapatan.

Bagi bilangan tanggungan responden, peratusan pembayaran zakat tertinggi adalah bagi kategori bilangan tanggungan sekitar satu hingga lima orang iaitu sebanyak 70.59 peratus. Manakala peratusan tertinggi yang tidak mengeluarkan zakat adalah bagi responden yang tidak mempunyai sebarang tanggungan iaitu mewakili 48.39 peratus.

Bagi pendapatan bulanan responden, kategori berpendapatan sekitar RM500 hingga RM1500 merupakan bilangan responden tertinggi yang mewakili 41.35 peratus. Manakala dari aspek pembayaran zakat, sembilan responden berpendapatan melebihi RM3500 mengeluarkan zakat. Bagi kategori pendapatan bulanan sekitar RM500 hingga RM1500, RM1501 hingga RM2500 dan RM2501 hingga RM3500, peratusan mengeluarkan zakat masing-masing mewakili 46.51 peratus, 60 peratus dan 79.49 peratus. Nilai chi-square membuktikan wujud hubungan yang signifikan antara pendapatan bulanan dan gelagat responden membayar zakat.

Seterusnya bagi pengetahuan tentang zakat pendapatan dan indeks kepatuhan kepada agama, Jadual 4.2 melaporkan sebanyak 13.27 peratus responden yang mengetahui tentang zakat pendapatan tetapi tidak mengeluarkan zakat. Manakala bagi pembolehubah indeks kepatuhan kepada agama, terdapat seorang responden mempunyai skor indeks melebihi nilai 0.8 tetapi tidak mengeluarkan zakat.

Persepsi Responden Tentang Zakat Pendapatan

Didapati 94.2 peratus daripada 104 orang responden mengakui bahawa mereka mengetahui tentang zakat pendapatan. Daripada jumlah tersebut, 33 peratus responden memperolehi pengetahuan tentang zakat pendapatan melalui pembacaan (Jadual 4.3). Keadaan ini mungkin disebabkan kebanyakan responden terdiri daripada ahli-ahli akademik yang menjadikan pembacaan sebagai satu medium utama untuk memperolehi ilmu pengetahuan.

Jadual 4.3
Sumber Maklumat Responden Tentang Zakat Pendapatan

Sumber Maklumat	Peratus
Hasil Pembacaan	33.0
Pejabat Zakat	28.9
Kawan-kawan/Saudara mara	21.6
Sekolah, Institusi Pendidikan	14.4
<u>Lain-lain (ceramah/kuliah agama)</u>	2.1

Sumber: Hasil Kaji Selidik

Manakala sebanyak 23.9 peratus responden mengetahui maklumat zakat pendapatan melalui Pejabat Zakat dengan menyertai ceramah, membaca risalah, melayari laman web dan mengunjungi Pejabat Zakat yang berhampiran. Selain itu, didapati peranan rakan atau saudara mara turut memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat zakat pendapatan iaitu sebanyak 21.6 peratus di samping peranan sekolah atau institusi pendidikan sebanyak 14.4 peratus. Ceramah atau kuliah agama yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu turut membantu ke arah memantapkan pengetahuan tentang zakat pendapatan walaupun hanya menyumbang sebanyak 2.1 peratus.

Bagi responden yang tidak mengetahui tentang zakat pendapatan iaitu sebanyak 5.8 peratus menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui secara mendalam mengenai zakat pendapatan. Kurang pengetahuan tidak bermakna mereka ini enggan membayar zakat. Namun, walaupun jumlah peratusan tersebut adalah kecil tetapi ia perlu dipandang serius oleh pelbagai pihak kerana ia berkaitan dengan Rukun Islam ketiga. Selain itu, masyarakat kini perlu peka dan berlumba-lumba mengejar ilmu dan pengetahuan sejarah dengan kecanggihan teknologi.

Hasil kajian mendapati bahawa 64.4 peratus responden membayar zakat pendapatan. Mereka membayar zakat pendapatan bagi memenuhi kehendak syariah. Kesedaran mentaati suruhan Allah untuk membantu golongan asnaf di samping membersihkan diri dan harta, patut dipuji dan dicontohi oleh masyarakat muslim yang lain. Daripada jumlah tersebut, 80.6 peratus responden membayar zakat pendapatan melalui Pejabat Zakat sama ada secara potongan gaji atau membayar terus di Pejabat Zakat. Selebihnya iaitu 19.4 peratus menyerahkan sendiri zakat pendapatan kepada pihak yang memerlukan antaranya orang miskin, orang perseorangan, rumah kebajikan orang-orang tua dan anak-anak yatim, saudara mara yang susah dan di mana-mana kaunter pembayaran zakat di kompleks membeli belah. Dalam ekonomi, keadaan ini merujuk kepada konsep bocoran.

Responden yang tidak membayar zakat pendapatan adalah sebanyak 35.6 peratus. Pelbagai faktor yang mungkin menyebabkan keadaan ini berlaku antaranya jumlah pendapatan responden kecil dan mempunyai ramai tanggungan. Maka dalam situasi tersebut, responden berkenaan tidak perlu membayar zakat kerana tidak memenuhi syarat wajib zakat iaitu tidak cukup nisab. Selain itu, responden mungkin kurang kesedaran tentang pentingnya membayar zakat. Terdapat juga responden yang tidak mengetahui wajibnya membayar zakat pendapatan. Oleh yang demikian, tidak keterlaluan jika slogan "Malu Tidak Mengeluarkan Zakat, Malu Menerima Zakat" diketengahkan dan dilaungkan agar ianya tersemat di hati setiap umat Islam.

Bagi meningkatkan kutipan zakat di kalangan pekerja Universiti Utara Malaysia, rata-rata responden mencadangkan agar pembayaran zakat dilakukan melalui potongan gaji. Perkara ini telah pun dilaksanakan oleh pihak Bendahari UUM. Selain itu, responden juga meminta pihak UUM mengadakan ceramah, bengkel, taklimat dan kursus serta kempen kesedaran secara agresif tentang zakat pendapatan yang bukan sahaja disertai oleh kakitangan UUM malah orang ramai turut memperolehi manfaatnya. Warga UUM juga perlu mengambil peluang yang diberikan oleh kerajaan di mana zakat yang dibayar akan direbat daripada cukai tanpa dihadkan jumlah bayaran zakat. Walaubagaimanapun, sebagai warga Muslim yang beriman, kita patut lebih banyak membayar zakat kerana faedah yang bakal diperolehi di akhirat kelak adalah lebih besar.

Terdapat juga responden yang mencadangkan agar dibuka kaunter pembayaran zakat bergerak mengikut jadual kutipan dari jabatan ke jabatan. Bagi kakitangan UUM yang tidak membuat potongan gaji masih berpeluang untuk membayar zakat pendapatan sekalipun tidak secara tetap. Cadangan lain yang dikira menarik ialah diadakan tabungan zakat. Setiap orang di setiap jabatan boleh menabung secara harian mengikut kemampuan dan akan di serah kepada pejabat zakat apabila tabung berkenaan penuh kelak.

4.3 Analisis Faktor

Analisis faktor dilakukan kepada pembolehubah bebas bagi tujuan menguji kecukupan persampelan sem mengelompokkan pembolehubah kepada faktor-faktor terpenting. Menurut Darlington (1990) analisis faktor akan dilakukan bagi pembolehubah melebihi 3 hingga 100 pembolehubah. Aplikasi utama teknik faktor analisis adalah mengurangkan bilangan pembolehubah dan untuk mengenalpasti struktur dalam hubungan antara pembolehubah, iaitu untuk mengklasifikasikan pembolehubah (StatSoft (2003)). Nilai KMO dan nilai ujian Bartlett's masing-masing adalah 0.698 dan 311.975 dengan nilai kesignifikan pada aras keertian 1 peratus. Kedua-dua nilai melaporkan sampel kajian adalah munasabah dan penggunaan analisis faktor adalah sesuai.

**Jadual 4.4
Nilai Eigen**

Faktor	Jumlah	% Varian	% Terkumpul
Pendapatan	2.464	35.193	35.193
Tanggungan	1.204	17.202	52.395
Pengetahuan	1.084	15.490	67.885
Jantina	0.932	13.313	81.197
SPM/STPM	0.749	10.696	91.893
Ijazah Sarjana	0.382	5.457	97.351
Indeks Kepatuhan	0.185	2.649	100.00

Jadual 4.4 melaporkan terdapat tiga pembolehubah yang mempunyai jumlah melebihi 1 iaitu pendapatan tanggungan dan pengetahuan tentang zakat pendapatan dengan nilai peratusan terkumpul sebanyak 67.885. Manakala Jadual 4.5 pula melaporkan terdapat tiga faktor yang mencukupi serta munasabah dalam menerangkan perubahan yang berlaku kepada pembolehubah bersandar. Faktor pertama merangkumi pendapatan dan tahap pendidikan ijazah sarjana. Manakala bagi faktor kedua merangkumi bilangan tanggungan. Faktor ketiga pula merangkumi pembolehubah jantina.

**Jadual 4.5
Rotated Factor Matrix**

	Faktor		
	1	2	3
Pendapatan	0.917	0.228	-1.075E-02
Tanggungan	-4.01E-02	0.996	6.954E-02
Pengetahuan	0.105	6.323E-02	0.216
Jantina	0.166	0.174	0.574
SPM/STPM	-0.714	6.665E-02	-0.142
Ijazah Sarjana	0.842	8.063E-02	0.229
Indeks Kepatuhan	3.888E-02	9.217E-02	-0.210

Extraction Method: Maximum Likelihood.

Rotation Method: Varimax with Kaiser Normalization.

4.4 Keputusan Penganggaran

Berdasarkan kepada keputusan analisis faktor, pembolehubah bebas dapat dikategorikan kepada taraf sosial, bilangan tanggungan dan jantina yang masing-masing mewakili faktor 1, faktor 2 dan faktor 3. Teknik penganggaran *maximum likelihood* menghasilkan dapatan seperti yang dilaporkan dalam Jadual 4.6 di bawah.

Jadual 4.6
Keputusan Penganggaran Data Keratan Rentas

	Model 1
Taraf Sosial	0.975 (12.752)*
Tanggungan	0.435 (3.049)**
Jantina	-0.412 (0.788)
Konstan	0.744 (9.949)*
$R^2 p$	0.740
Cox & Snell R^2	0.478
Hosmer & Lemeshow Test	11.523
p	0.174

Simbol * dan **, masing-masing merujuk kepada aras keertian 1% dan 5%

Berdasarkan Jadual 4.6, nilai $R^2 p$ melaporkan sebanyak 74 peratus gelagat kepatuhan membayar zakat dapat diterangkan oleh faktor pertama, kedua dan ketiga. Wujud hubungan yang positif antara taraf sosial dan bilangan tanggungan dengan gelagat kepatuhan individu mengeluarkan zakat pendapatan pada aras keertian satu peratus dan lima peratus. Namun pembolehubah jantina adalah tidak signifikan yang menunjukkan tidak wujud hubungan di antara jantina dan gelagat kepatuhan individu mengeluarkan zakat pendapatan.

5. KESIMPULAN

Kebanyakan negeri di Malaysia telah mewartakan kewajipan mengeluarkan zakat pendapatan. Namun begitu, disebabkan ketiadaan penguatkuasaan undang-undang yang dikenakan kepada individu yang tidak mengeluarkan zakat pendapatan, maka masih ramai individu Muslim yang berkelayakan tidak melaksanakannya. Tambahan pula, disebabkan oleh ketiadaan penguatkuasaan ini juga berlakunya bocoran atau individu mengeluarkan zakat pendapatan tanpa melalui badan berwajib.

Rentetan dari perwartaan kewajipan membayar zakat pendapatan di kebanyakan negeri, berlaku peningkatan yang positif dalam jumlah kutipan zakat setiap tahun bagi setiap negeri termasuk di negeri Kedah dan khususnya di daerah Kubang Pasu. Lebih menarik lagi, lebih 50 peratus sumber sumbangan jumlah kutipan zakat pendapatan di Kubang Pasu adalah berpunca daripada kakitangan UUM melalui skim potongan gaji bulanan.

Dengan menggunakan data keratan rentas yang melibatkan seramai 104 responden, dapatan kajian menunjukkan 64.4 peratus responden mengeluarkan zakat pendapatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 80.6 peratus mengeluarkan zakat pendapatan melalui potongan gaji. Selebihnya 19.4 peratus merupakan bocoran yang diserahkan secara individu kepada golongan asnaf. Sebanyak 94.2 peratus responden mengetahui tentang zakat pendapatan yang mereka perolehi melalui pembacaan, pejabat zakat, kawan/saudara, sekolah/institusi dan lain-lain. Pembayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji adalah pilihan kaedah pembayaran zakat yang paling popular di kalangan responden. Kaedah tersebut lebih mudah dan berterusan.

Semua negeri kecuali Kedah dan Kelantan tidak dibenarkan membayar zakat kepada saluran yang tidak rasmi. Pembayar zakat di Kedah boleh menyerah sendiri kepada golongan asnaf bagi zakat fitrah sahaja manakala Kelantan membenarkan pembayaran terus kepada individu asnaf sebanyak 1/3 daripada sumber pendapatan. Manakala negeri-negeri lain mewajibkan pembayaran zakat menerusi saluran rasmi iaitu melalui Pejabat Zakat Negeri bagi memastikan agihan dilakukan dengan berkesan dan cekap. Sekiranya pembayar zakat menyerah

sendiri zakat kepada golongan asnaf, ini dianggap sebagai bocoran. Pusat Zakat Negeri mempunyai maklumat lebih terperinci berkaitan golongan asnaf di sekitar kawasan jajahan masing-masing. Oleh itu, penyaluran pembayaran terus kepada Pusat Zakat Negeri dapat diagihkan dengan lebih meluas berbanding dengan pembayaran secara individu.

Penyebaran maklumat tentang zakat pendapatan tidak meluas dan efisien. Hukum wajib membayar zakat pendapatan masih kabur dan masih dipertikaikan sedangkan persoalan tersebut telah lama dibincangkan oleh para ulama. Pejabat Zakat perlu mengenal pasti medium perhubungan dan komunikasi yang terbaik untuk menyalurkan maklumat zakat sama ada media cetak atau elektronik di samping kecanggihan teknologi maklumat. Pejabat Zakat disarankan membuat promosi besar-besaran tentang aktiviti-aktiviti yang melibatkan sumbangan dan agihan zakat agar orang ramai khususnya umat Islam mengetahui ke mana disalurkan zakat mereka.

Kaedah pembayaran zakat pendapatan perlu dipermudahkan untuk membantu memperkasakan pelaksanaan zakat pendapatan. Kebanyakan pekerja yang memperolehi pendapatan secara bulanan, adalah mudah bagi mereka untuk membayar zakat secara potongan gaji. Kebenaran membuat potongan gaji tertakluk kepada persetujuan pekerja dan majikan. UUM misalnya, membenarkan kakitangannya membuat potongan gaji pada setiap bulan. Dengan demikian, UUM telah dilantik menjadi wakil Pejabat Zakat Negeri Kedah dengan memperolehi bahagian 1/18 daripada jumlah zakat yang dikutip. Galakan yang sedemikian perlu diberikan oleh Pejabat Zakat agar pihak pentadbiran mendapat insentif disamping meningkatkan kutipan zakat. Selain potongan gaji, Pejabat Zakat perlu mengadakan kaunter bergerak di tempat-tempat tumpuan ramai bagi memudahkan pembayar zakat menyalurkan zakat mereka. Peranan kaunter ini bukan sahaja sebagai tempat kutipan zakat tetapi sebagai tempat rujukan orang ramai untuk memperolehi maklumat zakat. Maka, institusi ini perlu menempatkan pegawai yang berkebolehan dan mempunyai pengetahuan yang luas tentang zakat.

Selain itu, para pekerja yang cukup syarat-syarat zakat perlu dipaksa untuk membayar zakat pendapatan seperti mana yang dipraktikkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Setiap pekerja perlu diberi borang taksiran zakat pada setiap tahun. Jika cara ini digunakan, maka semua Pejabat Zakat Negeri perlu menyeragamkan kaedah perakaunan zakat. Pembayar zakat perlu membayar zakat kepada Pejabat Zakat di negeri ia berkerja. Ini secara tidak langsung akan menambahkan kutipan zakat di Malaysia.

RUJUKAN

- Abd. Ghafar Ismail dan Nur Azura Sanusi. 2003. Pemeluanan Kewajipan Berzakat, Jaminan Sosial dan Desentralisasi Fiskal. Kertas kerja dibentangkan di Kolukium Zakat Siri 1, Institut Kajian Zakat Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Alor Gajah, 30 Disember.
- Al- Quran, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. (1988). Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1995. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Darlington, R. B. 1990. *Factor Analysis*. (atas talian) <http://comp9.psych.cornell.edu/Darlington/factor.htm>.
- Farishta G. de Zayas. 2003. *The Law and Institution of Zakat*. A.Z. Abbasi (ed). The Other Press, KL.
- Hailani Mujitahir. 2003. *Perkaedahan Fiqh Dalam Aplikasi Zakat Pendapatan*. Dalam Seminar Zakat Pendapatan 2003. 13 Ogos 2003.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2001. *Panduan Zakat Di Malaysia*. JAKIM, Kuala Lumpur.
- Kamil B Md Idris. 2001. Gelagat Kepatuhan Zakat Penggajian. Tesis PhD., UUM, 2001.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 2003. *Pengurusan Zakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd Ali Mohd Nor, Hairunizam Wahid dan Nor Ghani Md. Nor. 2003. Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Kakitangan Profesional: Kajian Kes di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm. Prosiding Seminar Kebangsaan Dasar Awam Dalam Era Globalisasi: Penilaian Semula Ke Arah Pemantapan Strategi, Bangi, 16-17 September.
- Naziruddin Abdullah dan M. Shabri Abd. Majid. 2001. Saving Behaviour in Islamic Framework: The Case of International Islamic University Malaysia (IIUM). Jurnal Syariah, jilid 9, bil. 2. Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, KL.
- Zahri Hamat. 2004. Perakaunan Zakat Pendapatan: Satu Kajian Semula. Dalam *Muzakarah Pakar Zakat* (m.s. 155-168). Kumpulan Kajian Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia.